

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

TARIKH : **28 MEI 2015**

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah penurunan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Kementerian Kesihatan untuk tahun 2015 berbanding dengan peruntukan tahun 2014. Nyatakan kesan ke atas perkhidmatan dan projek-projek yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2015 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan sebanyak RM23.31 bilion berbanding RM22.16 bilion pada tahun 2014. Oleh itu peruntukan Kementerian Kesihatan tahun 2015 didapati meningkat sebanyak RM1.15 bilion berbanding tahun 2014 atau 5.19%. Oleh yang demikian, fungsi utama KKM dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat tidak akan terkesan demikian juga rawatan terbaik kepada pesakit dapat dikekalkan. Di samping itu pihak Kementerian akan memastikan projek-projek yang telah diluluskan dilaksanakan mengikut jadual.